

Penguasaan Murid Tahun Enam terhadap Tulisan Jawi bagi Perkataan Pinjaman Bahasa Asing

Sixth Year Students' Mastery of Jawi Writing for Foreign Language Loanwords

Yasmin Afifah Yusmizam dan Aminuddin Saimon*

Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh, 84600 Pagoh, Muar Johor, Malaysia

*Corresponding author: deanamin@iium.edu.my

Received: 23 September 2025; **Revised:** 17 October 2025; **Accepted:** 22 October 2025; **Published:** 27 November 2025

To cite this article (APA): Yusmizam, Y. A., & Saimon, A. (2025). Penguasaan Murid Tahun Enam terhadap Tulisan Jawi bagi Perkataan Pinjaman Bahasa Asing. *PENDETA*, 16(2), 106-119. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.2.9.2025>

ABSTRAK

Khazanah penulisan Jawi semakin menunjukkan kemerosotan sehingga menimbulkan kebimbangan, seiring dengan perkembangan bahasa yang pesat dan pengaruh peminjaman kosa kata asing yang semakin meluas (Noraziah Mohd. Amin et al. 2018). Fenomena ini menyebabkan sebahagian besar bentuk ejaan leksikal menjadi semakin kompleks dan sukar dikuasai. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap penguasaan murid terhadap penulisan Jawi khususnya melibatkan kata pinjaman bahasa asing (KPBA). Kajian ini menggunakan pendekatan campuran kuantitatif dan kualitatif melibatkan seramai 44 orang murid Tahun Enam Sekolah Rendah Agama (SRA) Kuang sebagai responden. Bagi menilai tahap penguasaan murid, instrumen ujian ejaan dan penulisan Jawi berasaskan KPBA digunakan, manakala data dianalisis dengan merujuk Klasifikasi Skor Murid oleh Yusri Maulida Rahmah (2023). Hasil kajian mendapati murid Tahun Enam di SRA Kuang masih menghadapi kesukaran dalam menguasai penulisan Jawi bagi KPBA, walaupun terdapat segelintir murid yang menunjukkan pencapaian cemerlang. Analisis lanjut yang dibuat berdasarkan *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan* menunjukkan bahawa majoriti murid mengalami kekeliruan dalam mengeja kata pinjaman bahasa Inggeris (KPBI) berbanding kata pinjaman bahasa Arab (KPBAr), yang umumnya lebih mudah diserapkan ke dalam tulisan Jawi. Oleh itu, kajian ini menegaskan keperluan pengajaran KPBA dalam tulisan Jawi dilaksanakan secara lebih sistematik dan berfokus, agar usaha melahirkan generasi celik Jawi dapat dicapai, selaras dengan perkembangan dan kelestarian bahasa Melayu.

Kata kunci: Tulisan Jawi; penguasaan tulisan Jawi; murid tahun enam; kata pinjaman asing; celik Jawi

ABSTRACT

The treasures of Jawi writing are seen to be fading and worrying. This is in line with the development and progress of the language, which has led to an excessive borrowing of foreign words, making lexical spelling increasingly complex. Therefore, this study titled was carried out with the aim of testing the extent of mastery of Jawi writing for foreign language loanwords (KPBA) among sixth year religious primary school students (SRA). This study uses a combination of quantitative and qualitative methods to collect data from 44 sixth year students of SRA Kuang. In order to test the mastery level of sixth year students on KPBA in written Jawi, the researcher used the test technique of spelling and writing Jawi for KPBA. The data will then be analyzed by looking at the achievement scores of each study sample using the Student Score Classification by Yusri Maulida Rahmah (2023), these observations are also reinforced by descriptions found in previous literature. The results of the study found that

students in the sixth year of SRA Kuang still have problems in mastering the KPBA in Jawi writing, although there are a few students who master the KPBA in Jawi writing with excellence. The analysis divides the students' mastery according to the Jawi spelling method which is referred to based on the book *Pedoman Umum Jawi Spelling Bahasa Melayu Dewan* and found that most students experience confusion in spelling English loanwords (KPBI) compared to Arabic loanwords (KPBAr) that are absorbed into the Malay language using Jawi writing. After all, the need for KPBA teaching specialization in Jawi writing is very important in guaranteeing a generation that is literate in Jawi along with the development of the language.

Keywords: Jawi writing; mastering Jawi writing; students primary school; loanwords; Jawi literacy

PENGENALAN

Menurut Siti Nurul Izza Hashim et al. (2021), tulisan Jawi merupakan khazanah warisan yang signifikan dalam melambangkan identiti pendidikan dan keagamaan masyarakat Malaysia, khususnya bangsa Melayu. Dari sudut sejarah, tulisan Jawi merupakan sistem tulisan terawal yang digunakan di Tanah Melayu berbanding tulisan Rumi (Mohd Zawawi Zainal Abidin dan Norahida Mohamed, 2024). Kajian oleh Azman Che Mat et al. (2021) menjelaskan bahawa tulisan Jawi telah berkembang sejak abad ke-17, khususnya pada era kerajaan Islam Pasai, manakala tulisan Rumi hanya diperkenalkan pada penghujung abad ke-19. Tulisan Jawi merupakan salah satu warisan dan identiti negara yang diadaptasi daripada huruf Arab atau Hijaiyah ('Arifah Mursyidah Illiashaq dan Muhammad Fairuz A. Adi, 2022). Dalam proses pengadaptasian tersebut, beberapa huruf baharu ditambah bagi menyesuaikan sistem tulisan Arab dengan fonologi bahasa Melayu, antaranya ga (گ), pa (پ), nga (ڱ), nya (ڻ), cha (چ), dan va (ڤ) (Farhanah Abdullah et al., 2020).

Namun demikian, selepas penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi kebangsaan dengan penggunaan sistem ejaan berasaskan huruf Latin, khususnya bagi menyesuaikan diri dengan realiti masyarakat majmuk di Malaysia. Perubahan ini telah memberi implikasi besar terhadap kedudukan tulisan Jawi sehingga ia semakin terpinggir dan kurang digunakan, khususnya dalam kalangan generasi muda masa kini (Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz, 2020). Sebelum itu, kerajaan telah memperkenalkan program j-QAF (Jawi, al-Quran, Arab, dan Fardu Ain) yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dato' Seri Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Program ini dilihat sebagai satu inisiatif berkesan dalam memperkukuh penguasaan Jawi melalui kurikulum Pendidikan Islam. Menerusi pendekatan ini, pelajar didedahkan kepada asas penulisan Jawi yang semakin relevan, khususnya dalam menterjemahkan istilah-istilah baharu hasil daripada perkembangan ilmu dan teknologi yang banyak dipinjam daripada bahasa asing. Namun begitu, ruang masa yang diperuntukkan dalam program tersebut masih terhad, menyebabkan proses pemulihan literasi Jawi tidak menyeluruh. Akibatnya, ramai pelajar masih kekal dalam keadaan lemah, bahkan ada yang dianggap 'buta Jawi' (Amrina Rasyada Kamaruzaman et al., 2021). Situasi ini menjadi semakin kritikal dengan adanya peminjaman kata yang semakin meluas serta kerumitan ejaan yang timbul dalam sistem tulisan Jawi kontemporari, yang menambahkan lagi cabaran terhadap penguasaannya.

Keadaan menjadi semakin kompleks apabila semakin banyak bahasa asing diserap ke dalam kosa kata bahasa Melayu. Perubahan ini menuntut agar sistem pengkaedahan ejaan Jawi baharu dalam pendidikan dapat menyesuaikan diri dengan memasukkan contoh-contoh perkataan yang relevan dengan perkembangan semasa. Walau bagaimanapun, situasi ini turut menimbulkan kekeliruan, bukan sahaja dalam kalangan murid, malah juga guru yang berhadapan dengan perubahan sistem ejaan yang berlaku secara berterusan (Muhammad Syahmi Mohd Shari dan Hafizhah Zulkifli, 2023). Bagi menangani isu ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah memperkenalkan panduan terkini melalui penerbitan *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan*, yang berasaskan prinsip ejaan Jawi Za'ba. Prinsip ini telah mengalami beberapa penyesuaian dan dirangka mengikut tiga kategori utama, iaitu kata Melayu jati, kata serapan bahasa Arab, dan kata serapan bahasa Inggeris (Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin dan Hafizhah Zulkifli, 2022). Panduan ini berfungsi sebagai rujukan standard dalam memastikan ketekalan sistem ejaan Jawi di peringkat pendidikan dan masyarakat umum. Sehubungan itu, penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah, khususnya murid tahun enam,

menjadi aspek penting untuk dititikberatkan. Hal ini kerana golongan inilah yang bakal menjadi legasi celik Jawi, yang berupaya untuk mengekalkan kelangsungan tulisan warisan bangsa di samping menyesuaikan dengan keperluan perkembangan semasa (Muhamad Zakur Ashar dan Aminnudin Saimon, 2025). Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi meneliti tahap penguasaan murid terhadap tulisan Jawi, dengan memberi fokus khusus kepada KPBA dalam kalangan murid tahun enam SRA.

Pernyataan Masalah

Dalam dasawarsa ini, penggunaan serta pengaplikasian tulisan Jawi dilihat berada pada tahap yang membimbangkan. Fenomena ini menimbulkan cabaran besar terhadap usaha pemahaman dan pelestariannya yang kian merosot dari semasa ke semasa. Hal ini demikian kerana tulisan rumi semakin mendominasi penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian, sekali gus mengatasi fungsi dan peranan tulisan Jawi. Keadaan ini secara tidak langsung membawa kepada kelemahan penguasaan membaca dan menulis Jawi, khususnya dalam kalangan generasi muda masa kini. Menurut Aminnudin Saimon et al. (2023), penurunan minat murid untuk mempelajari tulisan Jawi berpunca daripada kesukaran dalam memahami sistemnya. Justeru, mereka lebih cenderung untuk menggunakan tulisan rumi berasaskan abjad Latin dalam penulisan bahasa Melayu. Situasi ini akhirnya mewujudkan implikasi yang lebih serius, iaitu pengurangan pengetahuan mengenai tulisan Jawi dalam kalangan generasi baharu serta penurunan motivasi untuk mempelajarinya. Dominasi penggunaan tulisan Rumi dalam bidang pendidikan dan media telah menyumbang kepada semakin terpinggirnya tulisan Jawi. Keadaan ini berlanjutan apabila penerapan tulisan Jawi terbatas dalam mata pelajaran berteraskan agama serta bahasa Arab. Hal ini sejajar dengan hakikat bahawa pendidikan agama lebih diberi penekanan di peringkat sekolah rendah, namun berkurangan pada peringkat menengah (Rosnani Hashim et al., 2022). Di samping itu, pengajaran kelas pemantapan Jawi di sekolah rendah kebangsaan dilaksanakan berasaskan buku teks yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, dengan kekerapan hanya dua hingga tiga kali seminggu dalam slot Pendidikan Islam (Muhammad Syahmi Mohd Shari dan Hafizhah Zulkifli, 2023). Natijah daripada situasi ini ialah para murid cenderung melihat pembelajaran Jawi sekadar usaha mengenal huruf serta mengeja perkataan asas semata-mata bagi tujuan kelulusan peperiksaan, tanpa penghayatan yang lebih mendalam terhadap nilai dan fungsi tulisan tersebut.

Penguasaan kemahiran membaca dan mengeja tulisan Jawi dalam kalangan murid beragama Islam, khususnya yang mengikuti pembelajaran di sekolah agama, merupakan suatu keperluan yang signifikan. Hal ini dikatakan demikian kerana medium pengajaran di sekolah agama sepenuhnya berasaskan tulisan Jawi serta disertai pendedahan terhadap ilmu al-Quran dan bahasa Arab. Kebanyakan ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah agama dengan harapan mereka dapat menguasai bacaan al-Quran secara fasih. Keupayaan membaca al-Quran dengan lancar secara tidak langsung memperkukuh kecekapan murid dalam membaca dan mengeja Jawi. Walau bagaimanapun, keadaan ini turut menambah beban kepada guru yang perlu memberi tumpuan secara individu dalam kelas yang sering mempunyai bilangan murid yang ramai. Akibatnya, terdapat sebahagian murid yang ketinggalan sehingga gagal menguasai bacaan al-Quran, lemah dalam kemahiran mengeja Jawi, dan seterusnya kurang berminat untuk mendalami bahasa Arab serta tulisan Jawi (Mohd Fikruddin Mat Zin et al., 2022).

Selain itu, faktor penyerapan bahasa asing, khususnya bahasa Arab dan bahasa Inggeris, ke dalam bahasa Melayu turut menjadi antara punca kemerosotan penguasaan Jawi dalam kalangan murid. Fenomena pengadaptasian leksikal daripada bahasa luar bukanlah sesuatu yang baharu dalam kajian linguistik, malah merupakan proses semula jadi yang dialami hampir semua bahasa akibat pengaruh penyebaran agama, kegiatan perdagangan, serta tuntutan ilmu sains (Saiful Radzi Roslan dan Suzana Sulaiman, 2024). Seiring dengan perkembangan zaman, perubahan teknologi, dan keperluan masyarakat, wujudnya kata pinjaman membolehkan kosa kata baharu digunakan dalam penulisan bahasa tempatan. Tambahan pula, pengaruh globalisasi dan kemodenan menjadikan pengadaptasian kata pinjaman lebih mudah dilakukan berbanding usaha mencipta istilah baharu yang asing dan kurang dikenali (Utkurova dan Ismatullayeva, 2023).

Sehubungan itu, tulisan Jawi juga secara tidak langsung perlu disesuaikan dengan perubahan dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu, termasuk penyediaan bentuk ejaan Jawi bagi perkataan pinjaman. Namun demikian, wujud cabaran tersendiri apabila bentuk ejaan tersebut sering bersifat

kompleks sehingga memerlukan guru membuat rujukan tambahan untuk memastikan ketepatan ejaan sebelum mengajarkannya di sekolah. Murid-murid pula menghadapi kesukaran ketika diminta mengeja kata pinjaman, malah ada yang beranggapan perkataan tersebut berasal daripada bahasa ibunda mereka sendiri (Nazatul Nadia Ahmad Ismail dan Harun Baharudin, 2023). Justeru, kelemahan penguasaan murid terhadap tulisan Jawi dalam leksikal bahasa Melayu semakin ketara, apatah lagi apabila berhadapan dengan ejaan Jawi bagi kata pinjaman daripada bahasa asing.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini terdapat dua objektif yang utama, iaitu;

1. Menguji tahap penguasaan tulisan Jawi bagi KPBA dalam kalangan murid tahun enam.
2. Menganalisis tahap penguasaan tulisan Jawi bagi KPBA dalam kalangan murid tahun enam.

Sorotan Literatur

Kajian oleh Azman et al. (2021) yang bertajuk *Penguasaan Suku Kata Tertutup (SKT) Tulisan Jawi dalam Kalangan Murid Tahun Tiga* dilaksanakan dengan objektif menilai tahap kemahiran murid dalam mengenal pasti serta mengaplikasikan SKT, di samping meneliti faktor yang menyebabkan SKT sukar difahami. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan, iaitu kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik dan ujian bertulis, manakala kaedah kualitatif dilaksanakan melalui temu bual separa berstruktur bersama guru. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan responden terhadap SKT masih kurang memuaskan, berpunca daripada keterbatasan masa pengajaran dan kaedah penyampaian yang kurang kreatif. Hal ini memperlihatkan bahawa tahap penguasaan murid dalam SKT tulisan Jawi masih tidak memberangsangkan dan memerlukan inovasi pedagogi yang lebih berkesan.

Sarinab et al. (2022) pula dalam kajian bertajuk *Pendekatan Kaedah Latih Tubi dalam Kemahiran Menulis Jawi Murid Tahun Empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan* meneliti faktor minat, sikap, dan motivasi pelajar terhadap penguasaan tulisan Jawi serta pengaruh kaedah pengajaran guru dan persekitaran. Kajian ini turut menggunakan pendekatan campuran; data kualitatif dikumpulkan melalui temu bual bersama guru, manakala pelajar menjalani ujian dan soal selidik yang disediakan oleh KPM. Dapatan menunjukkan kaedah latih tubi berupaya memberi kesan positif terhadap kecekapan membaca dan menulis Jawi. Secara ringkas, pendekatan ini sesuai digunakan kerana bertepatan dengan tahap perkembangan kognitif murid.

Kajian Mohd et al. (2022) yang bertajuk *Hubungan Pelaksanaan Gamifikasi dengan Motivasi Murid dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Jawi di Terengganu* pula menekankan hubungan signifikan antara gamifikasi dengan motivasi murid dalam pembelajaran Jawi. Menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran soal selidik, kajian ini mendapati tahap hubungan antara pelaksanaan gamifikasi dan motivasi pelajar berada pada skala yang tinggi. Hal ini membuktikan gamifikasi berpotensi meningkatkan keterlibatan dan motivasi pelajar dalam mempelajari Jawi.

Seterusnya, Aminnudin et al. (2023) dalam kajian bertajuk *Tahap Penguasaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Murid Tahun 4 di Sekolah Kebangsaan Kota Raja, Panchor, Muar, Johor* menilai tahap penguasaan Jawi dalam kalangan murid Tahun 4. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan melalui soal selidik, ujian bertulis, dan temu bual secara rawak. Dapatan kajian mendapati hampir semua murid mampu menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi dengan baik. Oleh itu, isu kelemahan penguasaan Jawi dalam konteks kajian ini adalah pada tahap yang rendah dan tidak begitu membimbangkan.

Kajian oleh Razilah et al. (2023) bertajuk *Keberkesanan Pintas Jawi dalam Membantu Murid Pemulihan Tahun Dua Mengenal Huruf Jawi* pula menilai tahap kelancaran membaca dan keupayaan menulis Jawi murid kelas pemulihan. Menggunakan pendekatan teori kognitif berbentuk kuantitatif, kaedah Pintas Jawi diaplikasikan sebagai intervensi pedagogi. Hasil kajian menunjukkan pendekatan ini berkesan dalam meningkatkan prestasi murid terhadap penguasaan huruf Jawi serta memberikan impak signifikan dalam memulihkan kelemahan asas tulisan Jawi.

Nazatul dan Harun (2023) melalui kajian bertajuk *Pengetahuan Jawi bagi Kata Pinjaman Inggeris dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah dan Faktor yang Mempengaruhinya* pula meneliti tahap pengetahuan murid terhadap ejaan Jawi bagi kata pinjaman Inggeris. Kajian menggunakan instrumen soal selidik dan ujian diagnostik, manakala analisis data dilakukan melalui SPSS. Hasil menunjukkan pengetahuan murid terhadap ejaan Jawi bagi kata pinjaman Inggeris berada pada tahap yang tinggi, sekali gus memberikan petunjuk positif terhadap usaha mengekalkan dan memperkukuh penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid.

Sementara itu, kajian Muhammad dan Hafizhah (2024) bertajuk *The Knowledge of Content Level of Jawi among Islamic Education Teachers in Keramat District Primary Schools* meneliti tahap pengetahuan kandungan (CK) Jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. Menggunakan kaedah kuantitatif melalui soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pengetahuan kurikulum dan pengetahuan subjek Jawi, kajian mendapati tahap pengetahuan guru berada pada skala yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa kelemahan penguasaan Jawi dalam kalangan murid bukan berpunca daripada tahap pengetahuan guru, sebaliknya perlu diteliti melalui aspek lain seperti kaedah pengajaran, reka bentuk kurikulum, atau prestasi murid.

Akhir sekali, Mohd et al. (2024) melalui kajian bertajuk *Tahap Penguasaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas* menganalisis hubungan antara penguasaan Jawi dengan pencapaian pelajar pintar cerdas dalam Pendidikan Islam. Menggunakan kaedah kuantitatif melalui ujian penulisan esei dan soal selidik, dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang baik. Kajian juga mendapati terdapat hubungan signifikan antara penguasaan Jawi dengan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. Hal ini membuktikan bahawa penguasaan Jawi yang mantap dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik pelajar.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian merujuk kepada rangka kerja terancang yang digunakan bagi memastikan sesuatu penyelidikan dapat dijalankan dengan teratur, sistematik, serta menepati objektif yang ditetapkan. Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah gabungan (mixed method) yang melibatkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pemilihan reka bentuk ini adalah penting kerana reka bentuk ini membolehkan dapatan kajian diperoleh secara lebih menyeluruh melalui pengintegrasian data berbentuk numerikal dan deskriptif. Bagi mencapai objektif pertama kajian, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif melalui ujian menulis dan mengeja tulisan Jawi yang dijalankan secara atas talian menggunakan *Google Form*. Ujian ini bertujuan untuk menilai tahap penguasaan murid terhadap tulisan Jawi khususnya bagi KPBA. Item perkataan yang digunakan dalam proses pengujian dipilih daripada buku teks Jawi Tahun 5 terbitan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), agar instrumen kajian selari dengan sukatan pembelajaran semasa dan menepati konteks pendidikan formal murid sekolah agama.

Persampelan Kajian

Persampelan kajian merujuk kepada proses pemilihan sebahagian kecil daripada populasi yang lebih besar untuk dijadikan wakil dalam penyelidikan. Tujuan utama persampelan adalah untuk memperoleh maklumat yang relevan serta bermakna mengenai populasi, dengan mengambil kira keterbatasan sumber dari segi masa, tenaga dan kos. Kajian ini menumpukan perhatian terhadap murid tahun enam Sekolah Rendah Agama (SRA) yang mempunyai mata pelajaran Jawi dalam sukatan pembelajaran. Seramai 44 orang murid tahun enam di SRA Kuang telah dipilih sebagai sampel kajian, terdiri daripada 22 murid lelaki dan 22 murid perempuan. Pemilihan sampel ini dibuat secara representatif mengikut pembahagian kelas tahun enam, iaitu 6 Abu Bakar, 6 Umar dan 6 Uthman. Seterusnya, tahap penguasaan murid terhadap tulisan Jawi dianalisis berdasarkan Klasifikasi Skor Murid yang dikemukakan oleh Yusri Maulida Rahmah (2023), iaitu: cemerlang (85–100), sangat baik (71–84), baik (61–70), sederhana (50–60), dan lemah (0–49).

Borang Soal Selidik

Kaedah soal selidik yang diaplikasikan dalam kajian ini berbentuk ujian bertulis secara digital melalui platform Google Form. Medium ini dipilih bagi menilai tahap penguasaan murid dalam aspek membaca, menulis, dan mengeja kata pinjaman bahasa Arab (KPBA) menggunakan tulisan Jawi. Pemilihan perkataan untuk tujuan pengujian disusun berdasarkan kategori KPBA tertentu, iaitu (i) penguguran huruf *alif* (ا) dalam suku kata tertutup (KVK), (ii) kata pinjaman yang dieja mengikut bentuk ejaan yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu, (iii) kata pinjaman yang dieja secara terpisah, dan (iv) kata pinjaman yang dieja berdasarkan sebutan penutur Melayu. Bagi menjawab objektif pertama kajian, instrumen soal selidik dibahagikan kepada dua set utama. Set pertama berbentuk soalan objektif yang bertujuan mengukur tahap kemahiran murid dalam mengeja KPBA menggunakan tulisan Jawi. Set kedua pula berbentuk soalan subjektif yang memberi penekanan kepada kemahiran menulis, khususnya melalui tugas menyalin perkataan KPBA daripada bentuk ejaan rumi ke dalam bentuk tulisan Jawi.

Persampelan

Kriteria pemilihan sampel dalam kajian ini ditetapkan kepada murid Tahun Enam di Sekolah Rendah Agama (SRA) Kuang, Rawang, Selangor. Seramai 44 orang murid dipilih sebagai responden kajian bagi memenuhi objektif utama, iaitu menilai tahap penguasaan tulisan Jawi dalam aspek KPBA.

Kelas

Dalam kajian ini, murid Tahun Enam di sekolah yang terpilih terdiri daripada tiga buah kelas. Pemilihan murid daripada setiap kelas dilakukan secara rawak tanpa menetapkan jumlah yang seimbang antara kelas. Walau bagaimanapun, keseluruhan bilangan murid yang dipilih adalah selaras dengan jumlah sampel yang telah ditetapkan oleh pengkaji, iaitu seramai 44 orang murid. Perincian bilangan murid mengikut kelas dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1 Jumlah Murid Mengikut Kelas

Kelas	Jumlah	Peratus (%)
6 Abu Bakar	29	65.9
6 Umar	10	22.7
6 Uthman	5	11.4
Jumlah	44	100

Jantina

Pembahagian jumlah murid berdasarkan jantina menunjukkan keseimbangan yang ketara, selaras dengan bilangan keseluruhan sampel kajian yang ditetapkan iaitu seramai 44 orang murid. Daripada jumlah tersebut, 22 orang merupakan murid lelaki, manakala 22 orang lagi ialah murid perempuan. Perincian pembahagian murid mengikut jantina dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Jumlah Murid Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah	Peratus (%)
Lelaki	22	50
Perempuan	22	50
Jumlah	44	100

Kelas dan Jantina

Pengkelasan bilangan murid mengikut kelas dan jantina dalam kajian ini memperlihatkan variasi yang ketara. Data menunjukkan bahawa murid perempuan merupakan majoriti dalam kelas pertama berbanding murid lelaki. Sebaliknya, dalam kelas ketiga, tiada wakil daripada murid perempuan direkodkan. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan murid kekal seramai 44 orang seperti yang telah ditetapkan. Perincian pembahagian murid mengikut kelas dan jantina ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Jumlah Murid Mengikut Kelas dan Jantina

Kelas/ Jantina	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus (%)
6 Abu Bakar	11	18	29	65.9
6 Umar	6	4	10	22.7
6 Uthman	5	0	5	11.4
Jumlah	22	22	44	100

DAPATAN KAJIAN

Bahagian dapatan kajian ini memberi tumpuan kepada hasil yang diperoleh melalui kaedah pemerhatian ikut serta serta analisis kandungan dokumen. Perbincangan dapatan dijalankan secara terarah berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah digariskan. Bahagian ini dimulakan dengan huraian latar belakang responden, khususnya dari aspek jantina dan kelas murid. Seterusnya, perbincangan difokuskan kepada tahap penguasaan murid terhadap KPBA yang dieja menggunakan tulisan Jawi, diikuti dengan analisis data yang diperoleh. Dalam konteks ini, pengkaji membentangkan dapatan hasil daripada soal selidik yang dijalankan bersama murid tahun enam di SRA Kuang. Instrumen soal selidik berbentuk kuiz berasaskan *Google Form* telah digunakan, melibatkan keseluruhan 44 orang murid sebagai responden. Bagi menjawab objektif pertama kajian, iaitu menguji tahap penguasaan tulisan Jawi terhadap KPBA, dapatan telah dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu soalan objektif dan soalan subjektif. Setiap kategori memperincikan tahap penguasaan murid melalui jadual yang memaparkan pencapaian tertinggi dan terendah mengikut kelas. Selain itu, tahap penguasaan murid turut dikelaskan berdasarkan Klasifikasi Skor Murid yang dikemukakan oleh Yusri Maulida Rahmah (2023).

Tahap Penguasaan Tulisan Jawi Bagi KPBA dalam Kalangan Murid Tahun Enam

Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyediakan sebanyak 15 soalan objektif berbentuk aneka pilihan, setiap satu dengan empat pilihan jawapan. Soalan-soalan tersebut merangkumi campuran KPBI dan KPBA yang ditulis menggunakan tulisan Jawi. Murid diminta untuk memilih bentuk ejaan Jawi yang paling tepat berdasarkan perkataan yang diberikan dalam ejaan Rumi. Data yang diperoleh melalui soalan objektif ini digunakan untuk menilai tahap penguasaan tulisan Jawi bagi KPBA, dengan pecahan dapatan mengikut kelas, iaitu 6 Abu Bakar, 6 Umar dan 6 Uthman. Hasil analisis dipersembahkan dalam bentuk bilangan murid mengikut kelas, jumlah keseluruhan, serta peratus keseluruhan skor pencapaian. Jadual berikut memaparkan dapatan bagi soalan objektif berdasarkan pecahan kelas.

Jadual 4 *Dapatan Soalan Objektif Penguasaan Tulisan Jawi KPBA*

Soalan objektif/ Kelas		6 Abu Bakar	6 Umar	6 Uthman	Jumlah	Peratus (%)
Doa	(دعاء)	29	10	5	44	100
Sabun	(سابون)	13	4	2	19	43.2
Rakaat	(ركعة)	25	4	2	36	81.8
Fatwa	(فتوى)	28	6	3	37	84.1
Passport	(فيسفورث)	16	5	3	24	54.5
Muhrim	(محريم)	23	2	1	26	59.1
Universiti	(اونيورسيتي)	20	8	1	29	65.9
Eksport	(ايكسپورت)	26	4	2	32	72.7
Sains	(سائين س)	29	4	4	37	84.1
Taktik	(تكتيك)	17	6	3	26	59.1
Vandalisme	(ونداليسمي)	15	4	1	19	43.2
Geografi	(گيوگرافي)	23	4	1	28	63.6
Khianat	(خيانت)	7	2	1	10	22.7
Vaksin	(ؤكسين)	16	2	3	21	47.7
Sifat	(صيفت)	27	6	4	37	84.1
Eksport	(ايكسپورت)	26	4	2	32	72.7

Jadual 4 memperlihatkan dapatan daripada soal selidik berkaitan tahap penguasaan murid dalam mengeja KPBAr dan KPBI menggunakan tulisan Jawi, yang dibahagikan mengikut kelas berserta peratus penguasaan bagi setiap item. Bagi kelas 6 Abu Bakar, perkataan “Doa” (دعاء) mewakili KPBAr dan “Sains” (سائين س) mewakili KPBI menunjukkan tahap penguasaan tertinggi, masing-masing dieja dengan tepat oleh 29 orang murid. Sebaliknya, penguasaan terendah dicatatkan pada perkataan “Khianat” (خيانت) bagi KPBAr, dengan hanya tujuh orang yang mengeja tepat, manakala bagi KPBI ialah perkataan “Vandalisme” (ونداليسمي), dengan 15 orang daripada keseluruhan 29 orang murid. Bagi kelas 6 Umar, perkataan “Doa” (دعاء) dieja dengan tepat oleh kesemua 10 orang murid. Bagi kategori penguasaan sederhana, perkataan “Universiti” (اونيورسيتي) mewakili KPBI dan “Rakaat” (ركعة) mewakili KPBAr masing-masing dieja tepat oleh lapan orang murid.

Walau bagaimanapun, penguasaan terendah dicatatkan pada perkataan “Muhrim” (محريم) dan “Khianat” (خيانت) bagi KPBAr serta “Vaksin” (ؤكسين) bagi KPBI, yang hanya dikuasai oleh dua orang murid. Bagi kelas 6 Uthman, perkataan dengan penguasaan tertinggi juga ialah “Doa” (دعاء), iaitu dieja tepat oleh lima orang murid. Selain itu, perkataan “Rakaat” (ركعة) dan “Sifat” (صيفت) daripada KPBAr serta “Sains” (سائين س) daripada KPBI masing-masing dieja dengan betul oleh empat orang murid. Penguasaan terendah pula melibatkan perkataan “Muhrim” (محريم) dan “Khianat” (خيانت) bagi KPBAr, manakala bagi KPBI melibatkan “Universiti” (اونيورسيتي), “Vandalisme” (ونداليسمي) dan “Geografi” (گيوگرافي), yang hanya dikuasai oleh seorang murid.

Secara keseluruhannya, perkataan yang menunjukkan penguasaan paling kukuh dalam kalangan murid daripada ketiga-tiga kelas ialah “Doa” (دعاء), dengan kadar ketepatan 100% (44 orang murid). Bagi KPBI, perkataan yang paling banyak dieja tepat ialah “Sains” (سائين س) dengan 84.1% (37 orang murid). Sebaliknya, tahap penguasaan terendah dicatatkan bagi perkataan “Khianat” (خيانت) mewakili KPBAr dengan 22.7% (10 orang), manakala bagi KPBI ialah “Vandalisme” (ونداليسمي) dengan 43.2% (19 orang).

Dapatan Bahagian Soalan Subjektif

Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyediakan 10 soalan subjektif yang merangkumi campuran KPBI dan KPBAr. Soalan ini memerlukan murid menulis semula perkataan yang diberikan dalam ejaan Rumi kepada tulisan Jawi dengan ejaan yang tepat. Tujuan utama soalan ini adalah untuk menilai kemahiran menulis dan ketepatan ejaan Jawi dalam kalangan murid, berbeza daripada soalan objektif yang hanya menguji kebolehan memilih jawapan. Melalui soalan subjektif ini, tahap penguasaan murid dapat dinilai dengan lebih mendalam kerana soalan ini adalah untuk menguji kemahiran sebenar dalam menghasilkan tulisan Jawi, bukan sekadar pengenalan bentuk huruf atau pilihan jawapan. Data yang diperoleh

kemudiannya dipaparkan berdasarkan pembahagian kelas iaitu 6 Abu Bakar, 6 Umar dan 6 Uthman. Analisis dibuat dalam bentuk bilangan murid yang berjaya menulis dengan betul, jumlah keseluruhan, serta peratusan pencapaian berdasarkan skor yang diperolehi. Jadual 5 di bawah memperlihatkan dapatan bagi soalan subjektif yang mengukur tahap penguasaan tulisan Jawi KPBA mengikut kelas.

Jadual 5 Dapatan Soalan Subjektif Penguasaan Tulisan Jawi KPBA

Soalan/ Kelas		6 Abu Bakar	6 Umar	6 Uthman	Jumlah	Peratus (%)
Teknologi	(تېکنالوجي)	26	5	5	36	81.8
Komputer	(کومپوٽر)	23	6	4	33	75
Mekanisme	(میکانیسمی)	16	1	1	18	40.9
Konteks	(کونٽیکس)	15	2	1	18	40.9
Bank	(بنک)	8	2	0	10	22.7
Istilah	(ایستیلہ)	25	2	0	27	61.4
Syarikat	(شریکت)	11	1	3	15	32.1
Skrip	(سکرپ)	27	7	4	38	86.4
Plastik	(پلاسٹیک)	15	3	3	21	47.7
Klinik	(کلینیک)	25	6	2	33	75

Jadual 5 memperlihatkan dapatan soal selidik berhubung tahap penguasaan murid dalam mengeja dan menulis kata pinjaman bahasa asing (KPBA) menggunakan tulisan Jawi, yang dibahagikan mengikut kelas berserta peratus penguasaan bagi setiap soalan. Bagi kelas 6 Abu Bakar, pencapaian tertinggi direkodkan pada perkataan “*Skrip*” (سکرپ) yang mewakili KPBI, dengan seramai 27 orang murid menulis dengan tepat. Bagi kategori KPBA pula, perkataan “*Istilah*” (ایستیلہ) menunjukkan tahap penguasaan tertinggi apabila 25 orang murid berjaya mengeja dan menulis dengan betul. Walau bagaimanapun, penguasaan terendah bagi kelas ini melibatkan perkataan “*Syarikat*” (شریکت) bagi KPBA dengan hanya 11 orang murid, manakala perkataan “*Bank*” (بنک) mewakili KPBI mencatat hanya lapan orang murid daripada keseluruhan 29 orang. Seterusnya, bagi kelas 6 Umar, perkataan “*Skrip*” (سکرپ) sekali lagi menunjukkan penguasaan tertinggi apabila hampir semua murid, iaitu tujuh daripada 10 orang, berjaya menulis dengan tepat. Sebaliknya, tahap penguasaan terendah dicatat pada perkataan “*Syarikat*” (شریکت) bagi KPBA dan “*Mekanisme*” (میکانیسمی) bagi KPBI, yang masing-masing hanya dikuasai oleh seorang murid.

Bagi kelas 6 Uthman, perkataan “*Teknologi*” (تېکنالوجي) mewakili KPBI menjadi yang paling tinggi penguasaannya dengan lima orang murid berjaya menulis dengan betul. Namun, perkataan “*Istilah*” (ایستیلہ) daripada KPBA dan “*Bank*” (بنک) daripada KPBI mencatat penguasaan terendah apabila tiada seorang pun daripada lima orang murid berjaya menulis dengan tepat. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan perkataan KPBI “*Skrip*” (سکرپ) dikuasai paling baik oleh murid daripada ketiga-tiga kelas, dengan peratusan penguasaan 86.4% (38 orang). Bagi kategori KPBA, perkataan “*Istilah*” (ایستیلہ) mencatat penguasaan tertinggi dengan 61.4% (27 orang). Sebaliknya, penguasaan terendah dicatat pada perkataan KPBI “*Bank*” (بنک), iaitu hanya 22.7% (10 orang murid).

Dapatan Penguasaan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris (KPBI)

Bahagian ini memaparkan tahap penguasaan tulisan Jawi bagi komponen KPBI yang dibahagikan mengikut kelas, iaitu 6 Abu Bakar, 6 Umar dan 6 Uthman. Data dianalisis dan ditunjukkan dalam bentuk bilangan mengikut kelas, jumlah keseluruhan, serta peratusan keseluruhan berdasarkan skor yang diperolehi daripada soalan berbentuk subjektif. Dapatan lengkap bagi komponen KPBI mengikut kelas dipersembahkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 *Dapatan Penguasaan Tulisan Jawi KPBI*

Soalan/ Kelas		6 Abu Bakar	6 Umar	6 Uthman	Jumlah	Peratus (%)
Teknologi	(تېکنالوجي)	26	5	5	36	81.8
Komputer	(کومپوٽر)	23	6	4	33	75
Mekanisme	(ميکانيسمی)	16	1	1	18	40.9
Konteks	(کونٽيک س)	15	2	1	18	40.9
Bank	(بنک)	8	2	0	10	22.7
Pasport	(پاسپورٽ)	16	5	3	24	54.5
Universiti	(اونيورسيتي)	20	8	1	29	65.9
Skrip	(سکریپ)	27	7	4	38	86.4
Plastik	(پلاسٽيک)	15	3	3	21	47.7
Klinik	(کلينیک)	25	6	2	33	75
Eksport	(ایسپورٽ)	26	4	2	32	72.7
Sains	(سائنس)	29	4	4	37	84.1
Taktik	(تکتیک)	17	6	3	26	59.1
Vandalisme	(وندالیسمی)	15	4	1	19	43.2
Geografi	(جیوگرافی)	23	4	1	28	63.6
Vaksin	(فکسین)	16	2	3	21	47.7

Jadual 6 memperlihatkan dapatan daripada sesi soal selidik yang meneliti tahap penguasaan murid dalam mengeja dan menulis Kemahiran Perkataan Berimbuhan (KPBI) menggunakan tulisan Jawi, yang dikategorikan mengikut kelas berserta peratus penguasaan bagi setiap item soalan. Secara operasional, KPBI dibahagikan kepada tiga komponen utama, iaitu: (i) pengguguran huruf *Alif* (ا) bagi suku kata tertutup, (ii) kata pinjaman yang dieja mengikut bentuk ejaan yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu, dan (iii) kata pinjaman yang dieja secara terpisah.

Bagi kelas 6 Abu Bakar, penguasaan tertinggi dalam mengeja dan menulis perkataan KPBI dalam tulisan Jawi dicatatkan pada perkataan “*Sains*” (سائنس), yang berjaya ditulis dengan tepat oleh 29 orang murid. Sebaliknya, penguasaan terendah bagi kelas ini ialah perkataan “*Bank*” (بنک), yang hanya dikuasai oleh lapan orang murid daripada keseluruhan 29 orang. Bagi kelas 6 Umar, perkataan “*Universiti*” (اونيورسيتي) merupakan item dengan penguasaan tertinggi apabila hampir keseluruhan murid, iaitu lapan orang daripada sepuluh, mengeja dengan tepat. Namun, tahap penguasaan terendah kelas ini dicatatkan pada perkataan “*Mekanisme*” (ميکانيسمی), yang hanya berjaya ditulis dengan betul oleh seorang murid sahaja.

Bagi kelas 6 Uthman, perkataan “*Teknologi*” (تېکنالوجي) dikuasai sepenuhnya oleh lima orang murid, menjadikannya penguasaan tertinggi bagi kelas ini. Sebaliknya, perkataan “*Bank*” (بنک) merupakan item dengan penguasaan terendah apabila tiada seorang pun murid yang mengejanya dengan tepat. Secara keseluruhan, perkataan KPBI yang mencatat penguasaan terbaik dalam kalangan murid daripada ketiga-tiga kelas ialah “*Skrip*” (سکریپ), dengan peratusan penguasaan 86.4% atau bersamaan 38 orang murid. Sebaliknya, perkataan yang menunjukkan penguasaan terendah ialah “*Bank*” (بنک), yang hanya berjaya ditulis dengan tepat oleh sepuluh orang murid (22.7%).

Dapatan Penguasaan Kata Pinjaman Bahasa Arab (KPBAr)

Bahagian ini memaparkan tahap penguasaan murid terhadap penulisan Jawi bagi KPBAr yang dianalisis mengikut kelas, iaitu 6 Abu Bakar, 6 Umar dan 6 Uthman. Data yang diperoleh dipersembahkan dalam bentuk bilangan murid bagi setiap kelas, jumlah keseluruhan, serta peratusan keseluruhan berdasarkan skor yang dicatatkan daripada soalan berbentuk subjektif. Jadual 7 menunjukkan dapatan berkaitan tahap penguasaan KPBAr dalam kalangan murid mengikut kelas masing-masing.

Jadual 7 *Dapatan Penguasaan Tulisan Jawi KBPAr*

Soalan objektif/ Kelas		6 Abu Bakar	6 Umar	6 Uthman	Jumlah	Peratus (%)
Doa	(دعاء)	29	10	5	44	100
Sabun	(سابون)	13	4	2	19	43.2
Rakaat	(ركعة)	25	4	2	36	81.8
Fatwa	(فتوى)	28	6	3	37	84.1
Istilah	(ايسئيله)	25	2	0	27	61.4
Muhrim	(محريم)	23	2	1	26	59.1
Syarikat	(شكرىكت)	11	1	3	15	34.1
Khianat	(خىانت)	17	8	3	2	63.6
Sifat	(صىفت)	27	6	4	37	84.1

Jadual 7 memperlihatkan dapatan daripada soal selidik berkaitan tahap penguasaan murid dalam mengeja dan menulis KPBAr menggunakan tulisan Jawi. Data tersebut dibahagikan mengikut kelas dan turut disertakan peratus penguasaan bagi setiap perkataan. Bagi tujuan analisis, KPBAr dikategorikan kepada dua bentuk iaitu (i) kata pinjaman yang dieja mengikut sebutan orang Melayu dan (ii) kata pinjaman yang dieja mengikut ejaan asal bahasa Arab.

Bagi kelas 6 Abu Bakar, dapatan menunjukkan penguasaan tertinggi murid ialah pada perkataan “Doa” (دعاء) dengan seramai 29 orang murid mengeja dengan tepat. Sebaliknya, perkataan dengan penguasaan terendah ialah “Syarikat” (شكرىكت) yang hanya dikuasai oleh 11 orang murid daripada jumlah keseluruhan 29 orang. Seterusnya, bagi kelas 6 Umar, perkataan “Doa” (دعاء) mencatatkan penguasaan penuh apabila kesemua 10 orang murid berjaya mengeja dengan betul. Walau bagaimanapun, perkataan yang paling rendah penguasaannya ialah “Syarikat” (شكرىكت) dengan hanya seorang murid dapat menulis dengan ejaan yang tepat. Bagi kelas 6 Uthman, dapatan menunjukkan pola yang hampir sama, apabila perkataan “Doa” (دعاء) tetap menjadi perkataan dengan penguasaan tertinggi iaitu seramai lima orang murid. Namun demikian, tahap penguasaan terendah dicatatkan bagi perkataan “Istilah” (ايسئيله), apabila tiada seorang murid pun yang dapat mengeja dan menulis dengan betul.

Secara keseluruhannya, perkataan yang paling dominan dan mudah dikuasai oleh murid daripada ketiga-tiga kelas ialah “Doa” (دعاء), dengan pencapaian 100% penguasaan, melibatkan kesemua 44 orang murid. Sebaliknya, perkataan yang paling lemah dari segi penguasaan ejaan dan penulisan ialah “Syarikat” (شكرىكت) dengan hanya 15 orang murid (34.1%) yang berjaya menulisnya dengan tepat.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, analisis terhadap penguasaan tulisan Jawi bagi KPBA dalam kalangan murid Tahun Enam SRA Kuang dapat dibahagikan mengikut skor dan tahap penguasaan murid terhadap dua golongan utama, iaitu KPBI dan KPBAr. Analisis ini memperlihatkan bahawa tahap penguasaan murid tidak seragam, sebaliknya dipengaruhi oleh jenis kata pinjaman tersebut.

Secara keseluruhannya, murid menunjukkan tahap penguasaan yang lebih tinggi terhadap KPBAr berbanding KPBI, khususnya pada perkataan yang dekat dengan amalan kehidupan seharian mereka, seperti “Doa” (دعاء) dan “Istilah” (ايسئيله). Hal ini demikian kerana perkataan-perkataan tersebut lebih kerap digunakan dalam konteks pengajian agama dan pembelajaran di sekolah agama, justeru meningkatkan keakraban murid terhadap bentuk ejaan dan penulisannya dalam tulisan Jawi. Sebaliknya, penguasaan murid terhadap KPBI didapati lebih rendah, terutamanya bagi perkataan yang melibatkan struktur suku kata kompleks atau yang mengekalkan bentuk asal bahasa Inggeris, seperti “Bank” (بنك) dan “Mekanisme” (مىكانىسمى). Kesukaran ini berpunca daripada kekangan dalam penyesuaian ejaan Jawi dengan fonologi bahasa Inggeris serta kurangnya pendedahan murid kepada bentuk ejaan kata pinjaman tersebut dalam tulisan Jawi.

Dapatan ini membuktikan bahawa faktor frekuensi penggunaan perkataan dalam konteks pembelajaran dan kehidupan murid memainkan peranan besar dalam menentukan tahap penguasaan mereka. Selain itu, keserasian sistem ejaan Jawi dengan asal bahasa pinjaman turut memberi kesan signifikan terhadap tahap penguasaan.

Jadual 8 Analisis Berpanduan Klasifikasi Skor Murid oleh Yusri Maulida Rahman (2023)

Klasifikasi	Skor	Skor Kuiz	Bilangan Murid	Peratus (%)
Cemerlang	85 - 100	22 – 25	4	9.1
Sangat baik	71 – 84	18 – 21	14	31.8
Baik	61 – 70	16 – 17	8	18.2
Sederhana	50 – 60	13 – 15	6	13.6
Lemah	0 – 49	0 – 12	12	27.3
Jumlah			44	100

Jadual 8 memperlihatkan skor keseluruhan tahap penguasaan murid dalam tulisan Jawi bagi Kata Pinjaman Bahasa Asing (KPBA). Analisis menunjukkan bahawa bilangan murid yang mencapai tahap cemerlang adalah kurang daripada sepuluh peratus, sekali gus menggambarkan tahap penguasaan Jawi bagi KPBA dalam kalangan murid berada pada tahap yang membimbangkan. Walau bagaimanapun, seramai 14 orang murid atau 31.8% berjaya mencapai skor yang dikategorikan sebagai sangat baik. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan murid masih berpotensi untuk dipertingkatkan sehingga mencapai tahap cemerlang, khususnya dalam mata pelajaran Jawi. Namun begitu, dapatan turut menunjukkan bahawa bilangan murid yang berada pada tahap lemah adalah hampir menyamai bilangan murid yang mencapai tahap sangat baik, iaitu seramai 12 orang. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kerana sekiranya kelemahan tersebut tidak ditangani dengan sewajarnya, minat murid untuk mempelajari Jawi berisiko semakin merosot dan seterusnya boleh menjejaskan usaha melahirkan pelapis baharu bagi kesinambungan pemuliharaan tulisan Jawi pada masa hadapan (Izman, M. N., dan Mahamod, Z., 2023).

Melihat kepada pola penguasaan murid dalam tulisan Jawi bagi KPBA, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada tahap penguasaan tersebut. Antaranya ialah kekangan masa dalam sesi pembelajaran Jawi. Menurut Mohd Arif Yusoff et al. (2020), kekurangan peruntukan masa bagi mata pelajaran Jawi memberi kesan langsung terhadap keberkesanan pengajaran dan tahap pemahaman murid. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran tulisan Jawi memerlukan tempoh masa yang mencukupi untuk membina asas pengetahuan huruf, penguasaan kaedah ejaan, serta pemahaman terhadap struktur tulisan (Ashar, M. Z dan Saimon, A., 2025). Kekangan masa menyebabkan murid, khususnya mereka yang memerlukan bimbingan tambahan, tidak berpeluang untuk mengukuhkan kemahiran yang telah dipelajari. Tanpa latihan berterusan, murid berisiko menghadapi kesukaran dalam mengingat serta menggunakan ejaan Jawi dengan tepat, terutamanya bagi kata pinjaman yang kompleks. Oleh yang demikian, tahap penguasaan murid amat bergantung kepada keberkesanan strategi pengajaran guru serta masa yang diperuntukkan bagi memastikan penguasaan berada pada tahap optimum.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kedua-dua objektif kajian telah berjaya dicapai melalui pelaksanaan soal selidik yang melibatkan 44 orang murid Tahun Enam di SRA Kuang. Bagi objektif pertama, tahap penguasaan murid dalam tulisan Jawi bagi KPBA memperlihatkan pola yang seimbang antara murid yang menguasai dengan baik dan murid yang masih berada pada tahap lemah. Dapatan ini seterusnya menjadi asas kepada pelaksanaan objektif kedua, iaitu menganalisis secara lebih mendalam corak penguasaan murid terhadap tulisan Jawi.

Analisis mendapati bahawa murid menunjukkan penguasaan yang lebih baik dalam menjawab soalan objektif berbanding soalan subjektif. Hal ini kerana murid mampu mengenal pasti ejaan yang betul apabila diberikan pilihan jawapan, namun mereka masih menghadapi kesukaran apabila diminta untuk mengeja dan menulis KPBA tanpa bimbingan pilihan. Berdasarkan Klasifikasi Skor Murid oleh Yusri Maulida Rahmah (2023), keperluan untuk meningkatkan pemahaman dan penguasaan tulisan

Jawi, khususnya dalam aspek KPBI, adalah mendesak dan perlu diberi penekanan. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kelemahan penguasaan murid termasuklah kekeliruan yang berpunca daripada pengaruh fonologi bahasa asal, kebiasaan sebutan dalam bahasa Melayu, serta keterbatasan pemahaman terhadap hukum homograf dan aturan pengejaan kata pinjaman yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu.

Kekeliruan ini, sekiranya tidak ditangani secara sistematik, berpotensi untuk berlanjutan sehingga menyebabkan murid memandang ringan aspek pengkaedahan ejaan KPBA. Dalam jangka masa panjang, hal ini boleh mengakibatkan penguasaan Jawi semakin terpinggir dalam kalangan generasi muda, sekali gus mengancam kelangsungan warisan literasi Jawi sebagai satu legasi penting dalam khazanah budaya dan pendidikan negara. Namun demikian, pengkaji bahasa boleh menjalankan pelbagai kajian untuk terus memartabatkan tulisan Jawi dan secara tidak langsung mengekalkan tulisan ini terus relevan. Selain itu, sokongan kerajaan, badan berkanun dan bukan kerajaan perlu berganding bahu untuk menyediakan dana penyelidikan kepada para penyelidik bagi tujuan memperkasa tulisan Jawi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan kerjasama antara pelajar tahun akhir dengan penyelia. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Yasmin Afifah atas kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam usaha untuk menghasilkan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdonloh Khreedah-oh, Hishamudin Isam, dan Mashetoh Abd Mutalib. (2022). Pemugaran Perubahan Makna Kata Pinjaman Bahasa Thai dalam Dialek Melayu Patani. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 33(1), 1-16.
- Aminnudin Saimon, Siti Nurshahqqira Sheikh Mohd Fauzi, Nuwaira Zafira Zafri, Nur Azmina Izzatulrazan Ibrahim dan Nur Aqilah Abd Halim. (2023). Tahap Penguasaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Murid Tahun 4 di Sekolah Kota Raja, Panchor, Muar, Johor. *PENDETA*, 14(2), 71-82.
- Amrina Rasyada Kamaruzaman dan Nik Md Saiful Nik Abdullah. (2020). Penulisan Jawi Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah di Peringkat Menengah: Isu dan Cabaran. *Jurnal KIAS*, 14(1), 1-30.
- Amrina Rasyada Kamaruzaman, Nik Md Saiful Nik Abdullah, dan Rabi'atul Athirah Muhammad Isa @ Omar. (2021). Jawi Writing in Al-Quran and Al-Sunnah Subject at Secondary School: Issues and Challenges. *Jurnal al-Turath*, 6(2), 78-88.
- 'Arifah Mursyidah Illiasahq dan Muhammad Fairuz A. Adi. (2022). Kaedah Penulisan Hamzah: Kajian Perbandingan Menurut Kaedah Rasm Uthmani dan Penulisan Jawi. *Jurnal Qiraat*, 5(2), 67-78.
- Ashar, M. Z., & Saimon, A. (2025). Analisis Tahap dan Faktor Penerimaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Pelajar UIAM, Kampus Pagoh. *PENDETA*, 16(1), 161-180. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.14.2025>
- Azman Che Mat, Siti Athirah Mohd Anwar dan Azarudin Awang. (2021). Penguasaan Suku Kata Tertutup (SKT) Tulisan Jawi dalam Kalangan Murid Tahun 3. *Borneo Akademika*, 5(2), 33-46.
- Che Wan Shamsul Bahri Che Wan Ahmad, Khairuddin Omar, Mohammad Faizul Nasruddin dan Mohd Zamri Murah. (2022). Menangani Ketaksamaan dalam Transliterasi Mesin Jawi-Rumi Menggunakan Pengelasan Naive Bayes Multinomial (NBM). *MyJICT – Malaysian Journal of Information and Communication Technology*, 7(1), 42-53.
- Farhanah Abdullah, Asyraf Hj Ab Rahman, Abdul Manan Ali, Firdaus Khairi Abdul Kadir dan Fadzli Adam. (2020). Jawi Script and The Malay Society: Historical Background and Development. *International Journal of Management (IJM)*, 11(7), 68-78.
- Izman, M. N., & Mahamod, Z. (2023). Nilai Bahasa Melayu sebagai Asas Jati Diri dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia: The Value of the Malay Language as The Basis of Self-Identity Among Students of the National University of Malaysia. *PENDETA*, 14(2), 11-25. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.2.2023>
- Mohd Akhbar Ab Kadir, Azhar Muhammad, Mohd Zailani Mohd. Yusoff, Mohd Arafat Jaafar, Mohd Hanif Hassan dan Mohd Norazmi Nordin. (2022). The Relationship Between Learning Style and Jawi Writing Skills Among Primary School Student. *Journal of Pharmaceutical Negative Results*, 13(9), 5524-5534.

- Mohd Arif Yusoff, Mohd Isa Hamzah, Sri Andayani Mahdi Yusuf dan Tengku Hasipullah Tuan Soh. (2020). Kepentingan Tulisan Jawi kepada Pembelajaran Iqra' dan Al-Quran dalam Kalangan Murid Tahap Dua di PLC Tanjung Aru. *Sustainable Education Towards Human Achievement*, 417-424.
- Mohd Fikruddin Mat Zin, Najihah Abd Wahid, Ahmad Shidki Mat Yusoff, Siti Hajar Mohamad Yusoff dan Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff. (2022). Hubungan Pelaksanaan Gamifikasi dengan Motivasi Murid dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Jawi di Terengganu. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(1), 17-28.
- Mohd Saifun Aznin Mohd Sharif, Mior Muhammad Saiful Nizan Mohd Saali, Mohd Fadzil Kamarudin, Muhammad Zaim Esrati dan Mohd Hasrul Kamarulzaman. (2024). Tahap Penguasaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, enam (1), 274-283.
- Mohd Zawawi Zainal Abidin dan Norahida Mohamed. (2024). Tulisan Jawi di Negeri Pahang: Cabaran dan Harapan. *Jurnal Al-Haady*, 5(1), 10-17.
- Muhammad Fuad Ahmad Tajudin dan Hafizhah Zulkifli. (2022). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Pengetahuan Isi Kandungan (PIK) Bidang Jawi dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 56-72.
- Muhammad Fuad Ahmad Tajudin dan Hafizhah Zulkifli. (2024). The Knowledge Of Content Level of Jawi Among Islamic Education Teachers Keramat District, Primary Schools. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 4(8), 1869-1880.
- Muhammad Syahmi Mohd Shari dan Hafizhah Zulkifli. (2023). Meneroka Pengalaman Guru KAFA Selangor dalam Kaedah Ejaan Jawi Baharu. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 3(4), 37-46.
- Nazatul Nadia Ahmad Ismail dan Harun Baharudin. (2023). Pengetahuan Jawi bagi Kata Pinjaman Inggeris dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah dan Faktor yang Mempengaruhinya. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 3(3), 22-38.
- Noraziah Mohd. Amin, Noor Azam Abdul Rahman, Wan Noorli Razali dan Mohd Faisal Abdul Wahab. 2018. Pemeliharaan Tulisan Jawi dan Penggunaan Tulisan Jawi di Media: Kajian Persepsi Pelajar Melayu di UNITEN. *Sains Insani*. 2018. Vol. 03. No. 02: 01 – 07.
- Ramala, D. E. (2020). Aksara Jawi: Warisan Budaya dan Bahasa Masyarakat Alam Melayu dalam Tinjauan Sosiolinguistik. *Jurnal Islamika*, 3(2), 1-13.
- Razilah Mohd Ramli, Azhar Wahid dan Husna Husin. (2023). Keberkesanan Pintas Jawi dalam Membantu Murid Pemulihan Tahun Dua Mengenali Huruf Jawi. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(1), 47-53.
- Rosnani Hashim, Muhammad Zahiri Awang Mat, Adnan A Rashid, Ainol Madziah Zubairi dan Mohd Farid Mohd Shahrar. (2022). Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Bagi Menghadapi Cabaran Pendidikan Abad Ke-21 dari Perspektif Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 65-79.
- Saiful Radzi Roslan dan Suzana Sulaiman. (2024). Pengetahuan Pelajar Berkenaan Padanan Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis. *Afaq Lughawiyah*, 2(2), 365-376.
- Saragih, D. K. (2022). Dampak Perkembangan Bahasa Asing Terhadap Bahasa Indonesia di Era Globalisasi. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 6(1), 2569-2577.
- Sarinab Ariffin Eduny, Saifulazry Mokhtar, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin dan Syamsul Azizul Marinsah. (2022). Pendekatan Kaedah Latih Tubi dalam Kemahiran Menulis Jawi Murid Tahun Empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak Sandakan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(45).
- Siti Nurul Izza Hashim, Roziah Sidik @ Mat Sidek dan Izziah Suriyani Mat Resad @ Arshad. (2021). Tulisan Jawi Pelopor Keilmuan di Alam Melayu: Satu Kajian Awal. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 32(2), 19-34.
- Utkurova, G. K. dan Ismatullayeva N.R. (2023). Features of The Borrowing Phenomena in Malay Language. *International Journal of Advance Scientific Research*, 3(02), 58-61.
- Yusri Maulidah Rahmah. (2023). *The effectiveness of word wall to improve students vocabulary mastery at SMPN 1 Praya Timur*. [Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Mataram].
- Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Peminggirian Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 244-255.